

Artis teruja sertai Karnival Inisiatif Peduli Rakyat

Alif Fadli Mohd Sori | 12 September 2017 12:30 PM



ANTARA barisan artis yang turun padang untuk bermain bola sepak jalanan bersama peminat yang hadir.

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Menjadi lumrah seorang anak seni turun padang dan bertemu peminat untuk sama-sama beramah mesra mendekatkan lagi hubungan yang terjalin sesama manusia.

Mengambil peluang menerusi penganjuran Karnival Inisiatif Peduli Rakyat, lebih lima orang artis turun padang dan menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan oleh pihak penganjur.

Antara selebriti yang hadir memberikan sokongan adalah Redza Hamid, Alif Redza dan Azarraband yang sempat membuat persembahan dan menghiburkan tetamu yang hadir ke karnival yang berlangsung di Padang Awam Kampung Baru Batu Caves, Gombak baru-baru ini.

Malah, kehadiran artis seperti Zahid Baharuddin (Zahid AF), Syamel, Izzmad Harun, Edaman Qanda turut memeriahkan acara apabila mereka turut sama menyertai permainan street soccer (bola sepak jalanan) dan sepak takraw bersama peminat.

Zahid berkata, kehadiran artis dalam satu-satu acara mampu menarik lebih ramai pengunjung dan dalam pada masa yang sama, mereka juga boleh mendekatkan diri bersama peminat.

“Artis dan peminat sama-sama saling menyokong. Sebab itu, saya tidak kekok untuk turun padang dan sama-sama menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan. Program ini pun mempunyai objektif yang baik dan jelas,” katanya.



Karnival yang memasuki siri kedua penganjuran ini turut mendedahkan pengunjung dengan informasi berguna berkenaan 38 skim terkandung dalam program tersebut yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat.

Hadir atas tiket penyanyi baharu, Izzmad Harun juga mengambil peluang ini untuk memperkenalkan jenama dirinya kepada peminat yang hadir ke karnival tersebut.

“Sebagai pendaatang baharu, kesempatan seperti ini harus diraih kerana saya juga boleh mempromosikan lagu baharu. Kebetulan saya juga suka bermain bola, jadi ini peluang tak seharusnya dilepaskan,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Bersekutu Perhubungan Awam Media dan CSR **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad**, Mohd. Fauzi Mohd. Ghazali berkata, artis memainkan peranan besar bagi menyampaikan informasi kepada masyarakat.

“Kehadiran mereka mampu menarik lebih ramai pengunjung yang hadir bukan sahaja untuk berhibur tetapi dalam pada masa yang sama, didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan program ini,” katanya.

<http://www.utusan.com.my/hiburan/artis-teruja-sertai-karnival-inisiatif-peduli-rakyat-1.525542>